

18 FEB 1998

TIADA UBAT CEPAT UNTUK MASALAH EKONOMI ASIA

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 17 Feb (Bernama) -- Negara-negara Asia yang mencari ubat yang cepat untuk menyembuhkan masalah kewangan mereka tidak mendapat penyelesaian yang pantas pada mesyuarat timbalan-timbalan menteri kewangan di sini Selasa di mana tumpuan adalah kepada mengelakkan dan mencari penyelesaian jangka panjang kepada krisis di masa akan datang.

Pembantu-pembantu kewangan dan bank pusat khas yang bermesyuarat dari 22 ekonomi yang dipanggil oleh Amerika Syarikat berhasil menjadi pertukaran pengalaman di kalangan negara yang sebelum ini dan kini terjejas oleh krisis kewangan.

Perbincangan pada mesyuarat tertutup sehari itu kemudian tertumpu kepada enam cadangan yang dikemukakan oleh AS menjelang mesyuarat menteri-menteri kewangan dan gabenor-gabenor bank pusat pada April depan di sini.

Ketua Setiausaha Kementeriana Kewangan Malaysia, Datuk Dr Aris Othman, memberitahu pemberita-pemberita Malaysia bahawa tiga kumpulan teknikal khas telah dibentuk untuk melihat tiga daripada enam bidang yang dicadangkan oleh AS. Bidang-bidang itu ialah:

- * Langkah-langkah untuk meningkatkan pendedahan dan ketelusan;
- * Langkah-langkah untuk memperkukuhkan sistem kewangan, di seluruh dunia dan di negara-negara individu; dan
- * Perkongsian beban oleh sektor swasta supaya para pelabur dan pemberi kredit menanggung akibat sepenuhnya keputusan mereka.

Dr Aris berkata terdapat perbezaan di dalam pandangan mengenai isu ketelusan kerana segelintir negara merasakan dengan beratnya bahawa setiap negara sepatutnya bertanggung jawab kepada pendedahan sepenuhnya maklumat kewangan apabila komitmen global dibuat.

Tetapi terdapat persetujuan di kalangan peserta mengenai keperluan untuk lebih banyak maklumat mengenai pasaran modal, dan menjadikan aliran modal lebih telus, katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berulang kali menggesa supaya ada lebih ketelusan di dalam dagangan matawang, yang kata beliau bertanggung jawab sebahagian besarnya untuk kegawatan kewangan sekarang.

Mesyuarat itu, juga buat julung-julung kalinya, memperakukan bahawa semua pihak patut dipertanggung jawabkan bagi krisis itu, termasuk peminjam dan pemberi kredit,

Kumpulan-kumpulan teknikal akan memulakan kerja serta merta dan hasil-hasil kajian mereka akan dibentangkan kepada Menteri-menteri Kewangan yang sebaliknya akan mengemukakan cadangan mereka kepada mesyuarat interim Tabung Kewangan Antarabangsa pada pertengahan April, kata Dr Aris.

Tiga bidang lain yang dibincangkan ialah pengurusan dasar negara bagi mengelakkan krisis dan menangani krisis yang berlaku; menggalakkan perjalanan cekap pasaran-pasaran global; dan peranan masyarakat antarabangsa di dalam krisis kewangan.

Mesyuarat itu adalah susulan kepada ikrar Presiden Bill Clinton pada sidang kemuncak para pemimpin Apec pada November lalu yang AS akan menganjurkan satu perjumpaan menteri-menteri kewangan dan gabenor-gabenor bank pusat untuk menangani dengan lebih baik cabaran-cabaran di dalam sistem kewangan antarabangsa di dalam tahun-tahun dan dekad-dekad mendatang.

Mesyuarat Selasa disertai oleh negara-negara G-7 yang terdiri daripada AS, Perancis, Jerman United Kingdom, Jepun, Itali dan Kanada.

Ekonomi-ekonomi lain termasuk Malaysia, Thailand, Singapura, Indonesia,

Argentina, Australia, Brazil, China, Hong Kong, Korea Selatan, India, Mexico, Poland, Russia dan Afrika Selatan. Bank Dunia, IMF dan the Bank of International Settlement turut menghantar wakil mereka,

Dr. Aris berkata wakil-wakil daripada negara-negara Asia memberitahu para peserta lain mengenai kesan jangkitan krisis itu dan menyatakan "kembimbangan bahawa krisis itu mungkin berpanjangan jika sesuatu tidak dilakukan."

"Kami mendesak negara-negara G-7 supaya menampilkan kenyataan positif (mengenai Asia) pada mesyuarat mereka akan datang di London untuk membina keyakinan di kalangan pelabur," tambah beliau.

United Kingdom sementara itu telah melancarkan satu inisiatif pada mesyuarat itu bertujuan untuk meningkatkan jumlah bantuan teknikal Eropah yang boleh didapati kepada ekonomi-ekonomi Asia yang bermasalah.

Inisiatif itu akan menumpukan kepada penyusunan semula sektor kewangan dan penilaian kesan kemiskinan, dan sedang dimajukan menjelang Sidang Kemuncak ASEM 2 Summit pada 3-4 April, apabila para pemimpin Asia dan Eropah akan bermesyuarat di London.

Ia melibatkan dua bahagian: penubuhan Tabung Manah ASEM di Bank Dunia untuk membantu negara-negara menilai kesan krisis itu dan membantu penyusunan semula sektor kewangan. -- BERNAMA

SH SHY OS